

30 MAR 2002

Keganasan-Penyertaan/I

LIMA PULUH SATU NEGARA SAHKAN PENYERTAAN

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Sesi khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai keganasan yang bermula Isnin mendapat sambutan menggalakkan apabila 51 buah negara anggota telah mengesahkan penyertaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak menyifatkan penyertaan itu sebagai "sangat baik".

"Bagi satu sesi khas ia sangat menggalakkan," katanya ketika ditemui di Hotel Palace of the Golden Horses, hotel rasmi tempat mesyuarat tiga hari itu berlangsung.

Beliau berkata sebanyak sebanyak 51 daripada 57 negara anggota OIC telah mengesahkan penyertaan mereka.

Malaysia mencadangkan sesi khas itu ekoran berbagai perkembangan yang mendatangkan kesan terhadap umat Islam selepas serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

Serangan di New York dan Washington yang mengorbankan lebih 3,000 nyawa didakwa dilakukan kumpulan penganas yang dikaitkan dengan Osama bin Laden dan kumpulan Al-Qaeda pimpinannya.

Sesi khas tiga hari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sesi itu dijangka akan menghasilkan deklarasasi yang antara lain akan menentukan takrif keganasan, puncanya dan bentuk tindakan bagi menanganinya.

Fuzi berkata semua persediaan mengadakan sesi khas itu berjalan lancar.

Sementara itu, raptai upacara pembukaan rasmi diadakan di hotel itu hari ini dan kawalan keselamatan yang ketat dikenakan di kawasan hotel termasuk penggunaan alat pengesan logam yang ditempatkan di pintu-pintu masuk.

Menteri Luar Palestin Farouk Kaddoumi yang dijadual tiba esok dijangka akan menjadi tumpuan ekoran perkembangan mutakhir di negaranya.

Kaddoumi yang akan mengetuai delegasi negaranya dijangka akan memberitahu peserta sesi mengenai perkembangan di Palestin terutama senario terbaru susulan kepada serangan Israel ke atas ibu pejabat Presiden Yasser Arafat di Ramallah.

Selain Kaddoumi, Menteri Luar kerajaan interim Afghanistan Dr Abdullah Abdullah adalah antara menteri luar yang turut dijangka tiba esok.

Timbalan Menteri Luar Iran Dr Mohamad Zarif dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Bahrain Dr Mohamad Abdul Ghaffar Abdullah tiba hari ini.

-- BERNAMA

DC RV AKT HK ZS MOZ